



## **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN**

### **PEMANDU PELANCONG (HOS KOMUNITI SETEMPAT)**

#### **1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 1.1 Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tempoh sah laku lesen berakhir.
- 1.2 Hos Komuniti Setempat perlu menghadiri kursus latihan lanjutan *Continuing Tourism Related Education* (CTRE) yang dikendalikan oleh mana-mana badan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Pelancongan atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atau menghadiri program anjuran MOTAC yang diperakukan sebagai CTRE oleh Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.
- 1.3 Hos Komuniti Setempat perlu kekal menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.
- 1.4 Hos Komuniti Setempat hendaklah mengembalikan lesen yang telah tamat tempoh semasa tuntutan lesen baharu dalam tempoh masa 14 hari.
- 1.5 Tempoh lesen yang diperbaharui adalah bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun.
- 1.6 **Syarat Tambahan (yang berkaitan):**  
Hos Komuniti Setempat Selangor hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada Tourism Selangor terlebih dahulu.  
\*\* khas untuk negeri Selangor sahaja.

#### **2. DOKUMEN SOKONGAN:**

- 2.1 Satu (1) keping gambar berwarna berukuran pasport yang terkini (latar belakang putih).
- 2.2 Satu (1) salinan resit bayaran keahlian persatuan pemandu pelancong.

2.3 Salinan Sijil Kursus CTRE yang perlu dikemukakan.

TEMPOH PEMBAHARUAN LESEN	BILANGAN CTRE YANG PERLU HADIR
1 Tahun	2 modul
2 Tahun	4 modul
3 Tahun	6 modul

Nota:

- i. Sijil CTRE yang dikemukakan adalah yang terkini atau tidak melebihi tempoh 2 tahun daripada tarikh sijil CTRE; dan
- ii. Sijil CTRE yang dikemukakan hendaklah mempunyai tajuk dan kod berbeza yang telah mendapat kelulusan MOTAC.

2.4 Satu (1) salinan surat pengesahan daripada Tourism Selangor.

\*\* khas untuk negeri Selangor sahaja.

### 3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui system *Tourism Licensing & Enforcement System* (TOURLIST) di laman sesawang [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).
- 3.2 Semua dokumen seperti dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuatnaik ke dalam TOURLIST.
- 3.3 Pemohon perlu menyelesaikan urusan bayaran, serahan dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemakluman kelulusan pembaharuan lesen. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dibuat.

### 4. FI YANG PERLU DIBAYAR

- 4.1 **Fi pemprosesan** sebanyak **RM5.00** dikenakan bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).
- 4.2 **Fi lesen** sebanyak **RM50.00 (setahun)** hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian di [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan.

**5. PIAGAM KELULUSAN**

**3 hari bekerja** apabila bayaran fi pemprosesan telah dibayar serta permohonan lengkap, teratur dan sempurna diterima daripada pemohon kepada Pejabat MOTAC Negeri.

**6. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Mei 2024**.